

04 SEP 2001

Mahathir-SEA

ATLIT M'SIA MAMPU RAIH KEJAYAAN CEMERLANG DI SUKAN SEA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata atlit negara mampu mencapai kejayaan cemerlang pada Sukan SEA ke-21 jika mereka memberi tumpuan sepenuhnya serta berusaha bersungguh-sungguh.

Perdana Menteri berkata beliau yakin dalam jenis-jenis sukan tertentu, Malaysia akan mencapai kejayaan.

"Mungkin dalam sesetengah bidang sukar bagi kita mencapai kejayaan, tetapi walaupun kita mungkin tidak dapat menjadi johan, kita perlu berusaha bersungguh-sungguh supaya kita tidak ketinggalan terlalu jauh," katanya ketika menyerahkan Jalur Gemilang kepada ketua kontinjen Malaysia Datuk Mazlan Ahmad di sini petang ini.

Turut hadir Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Presiden Olimpik Malaysia Tan Sri Tunku Imran Tuanku Jaafar.

Pada temasya Sukan SEA kali ini, Malaysia meletakkan sasaran sebanyak 80 pingat emas berbanding 57 emas yang diraih ketika Sukan SEA di Brunei dua tahun lepas.

Dr Mahathir berkata selaku tuan rumah bagi Sukan SEA kali ini, prestasi atlit Malaysia seharusnya lebih baik berbanding jika bertanding di luar negara.

Berucap kepada atlit dan pegawai sukan yang terbabit dalam Sukan SEA, beliau berkata mereka yang terpilih mewakili negara mempunyai tanggungjawab yang besar bukan sahaja terhadap diri mereka tetapi juga kepada negara.

"Nama negara kita duduk di bahu saudara-saudari sekalian dan pikulkan nama itu dengan cara yang bertanggungjawab supaya kita akan mencapai kecemerlangan, kejayaan bukan sahaja untuk diri kita tetapi juga untuk negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata atlit negara mendapat sokongan padu rakyat Malaysia, mereka perlu berusaha memberi persembahan yang terbaik bagi meraih kejayaan.

"Saya harap semua atlit kita berasa bertanggungjawab terhadap prestasi mereka kerana mereka mewakili negara dan kita hendak negara kita ini menjadi sebuah negara yang terkenal kerana kebolehan-kebolehan tertentu.

"Saya yakin atlit negara mempunyai kebolehan untuk mengatasi kelemahan tubuh badan dengan semangat yang lebih kuat, kalau kita betul-betul cuba, kita akan dapat kemenangan walau apapun halangan yang dihadapi," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga mahu atlit menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap Sukan SEA dan mengetepikan segala masalah remeh-temeh yang boleh melemahkan semangat dan tumpuan mereka.

"Kita mesti tumpukan kepada kemenangan, perkara lain tak relevan. Perkara lain tidak ada tempat sama sekali bagi kita sehingga tamatnya pertandingan," katanya.

--BERNAMA

MOT ZS MAI